

06/05/2003

Cabaran Pemangku PM (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, antara cabaran paling besar yang dihadapi sepanjang dua bulan menjadi Pemangku Perdana Menteri, ialah menangani wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"SARS membimbangkan semua orang sekarang. Ia adalah cabaran besar bagi saya tetapi kita lega Malaysia tidak disenaraikan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai negara yang teruk terjejas," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya pengalamannya memangku jawatan Perdana Menteri ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti. Perdana Menteri kembali bertugas semalam.

Dr Mahathir juga sudah menamakan Abdullah untuk mengambil alih kepemimpinan negara apabila beliau bersara Oktober ini.

Pada sidang media selepas menyampaikan Anugerah Majikan Terbaik Malaysia di Cyber View Lodge di sini semalam, Abdullah berkata, cabaran lain termasuk kontroversi pengharaman kitab Injil yang diterjemah dalam bahasa Iban.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, berlaku kekeliruan berhubung isu berkenaan dan sebab itu pengharamannya ditarik balik.

Beliau juga menganggap tempoh memangku jawatan itu memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan Dr Mahathir.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau tidak minta pujian daripada Dr Mahathir atas sebarang tugas yang diberi.

"Bagi saya, latihan kerja adalah setiap masa. Dalam apa juga kerja yang saya jalankan, saya dapat belajar dan menimba banyak pengalaman.

"Hingga hari ini saya senang dengan kerja saya. Saya tidak meminta dipuji atau apa-apa. Saya hanya menjalankan tugas saya dan terus fokus dalam tugas saya.

"Saya sentiasa senang dengan kerja sebagai kakitangan kerajaan sejak berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 1964," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir di pejabatnya semalam, Abdullah berkata beliau memaklumkan semua perkembangan terkini mengenai pelbagai isu membabitkan negara.

"Saya bukan nak minta apa-apa report card (kad laporan prestasi) daripada Dr Mahathir, tetapi saya cuma maklumkan apa yang kita sedang buat sekarang," katanya.

Abdullah juga berkata, beliau sudah menyerahkan draf pakej rangsangan ekonomi yang mengambil kira kesan SARS dan peperangan di Iraq kepada Dr Mahathir yang dijangka mengumumkannya tidak lama lagi.

"Pasti beliau (Dr Mahathir) mempunyai peluang memasukkan ideanya sendiri. Terpulang kepada pemimpin kita," katanya.

Abdullah tidak memberitahu kandungan pakej rangsangan itu dan bila ia akan diumumkan.

"Jika anda mahu tahu mengenai pakej itu, anda kena bersabar. Saya tidak mahu mencuri perhatian. Anda tidak akan dapat apa-apa daripada saya," katanya.